

**Parlimen: 30,335 Guru PPPLD Dilantik Ke PPPS Setakat 11 Sept Ini - Wee Bernama
27 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Seramai 30,335 guru dalam skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) telah dilantik ke skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dari 2005 hingga 11 Sept lepas.

Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong berkata pengumuman Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai penambahbaikan gaji dan memendekkan tempoh kenaikan pangkat untuk guru telah menggalakkan PPPLD melanjutkan pelajaran mereka ke universiti supaya mendapat kelayakan ijazah bagi kenaikan pangkat ke PPPS.

"Memang cara ini fleksibel untuk (bergerak) dari PPPLD ke PPPS. Pengalaman mengajar sebagai PPPLD tidak dihapuskan, dengan cara ini kita menggalakkan kenaikan pangkat ke PPPS," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman (BN-Lipis) mengenai perkembangan pelantikan guru bukan siswazah kepada bersiswazah pada persidangan Dewan Rakyat di sini, pada Khamis.

Wee menjelaskan kelayakan bagi PPPLD gred DG32 Khas Untuk Penyandang (KUP) telah dipertimbangkan dan diluluskan kenaikannya oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697721>